

Mengurus sikap salah-menyalah

Oleh BAKHARI ARIFF

BERMAIN dengan siapa salah (*blaming game*) akan mengheret pihak yang kalah dengan luka yang lebih parah kerana masing-masing tidak mahu jadi penyebab kepada keputusan bersejarah 8 Mac dalam Pilihan Raya Umum Ke-12, yang menjadikan Kedah serumpun dengan negeri-negeri pembangkang lain.

Jika menjadi pihak menang, tidak timbul salah-menyalah tetapi sebaliknya akan ramai yang mendabik dada menjadi penyumbang utama kepada kemenangan. Ini lumrah.

"Tidak ada faktor tunggal yang menyebabkan Barisan Nasional (BN) Kedah kalah dengan Pas, PKR dan DAP, walaupun faktor calon dan sabotaj menyumbang tidak sedikit kepada keseluruhan keputusan.

"Hal ini kompleks dan mencari siapa salah juga bukanlah kaedah penyelesaian terbaik walaupun perlu dianalisis secara terperinci sebab-musabab," kata Dekan Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Prof. Dr. Mustafa Ishak.

Pakatan pembangkang yang diketuai Pesuruhjaya Pas Kedah, Azizan Abdul Razak akan menentukan barisan kepimpinan negeri selepas berjaya menguasai 16 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Ayer Hitam, Bukit Lada, Bukit Pinang, Alor Mengkudu, Anak Bukit, Kubang Rotan, Pengkalan Kundur, Tokai, Sungai Limau, Jeneri, Pantai

Merdeka, Kupang, Kuala Ketil, Merbau Pulas, Bandar Baharu, dan Tanjung Dawai.

PKR pula memenangi empat kerusi DUN iaitu Bakar Arang, Sidam, Lunas, Kulim manakala DAP memenangi satu kerusi di DUN Kota Darul Aman.

"Gempa berskala besar itu bermula di Pulau Pinang dan bergerak dengan cepat ke Kedah, Perak Utara sehingga boleh menguasai Perak dan turut melanda Selangor juga sehingga alirannya sangat halus dan sukar diramal mata kasar.

"Strategi yang digunakan pakatan pembangkang sungguh hebat mengatasi kebijaksanaan strategi lama yang digunakan pasukan BN seperti media kerana mereka sudah tahu taktik BN," kata seorang aktivis politik.

Jika pilihan raya 1999 lebih mudah dijangka berlaku penurunan kerusi akibat krisis politik dan 2004 mencatatkan kemenangan besar BN tetapi 2008 berlaku sejarah baru. Eksperimen politik ini memberi satu fenomena menarik untuk dianalisis ahli sains politik di negara ini.

Mengapa agaknya kaum Cina dan India memberi kejutan yang sangat kejam kepada BN? Apakah strategi pembangkang yang menyatakan 'undi BN menjadikan rakyat kelas kedua' begitu berkesan kepada pengundi di pekan dan bandar? Apakah kerana marahkan 'sekor nyamuk muda berkuasa' menyebabkan kelambu dibakar?

Peratus keluar mengundi di Kedah sekitar 80 peratus menunjukkan tidak berlaku pemboikotan yang besar di ka-

langan pengundi, malah jika dilihat secara individu, kemenangan BN sebanyak 14 kerusi DUN berbanding dengan Pas yang mendapat 16 kerusi menunjukkan masih ada harapan untuk BN bertapak kembali di hati rakyat Kedah.

"Keputusan sudah dibuat, maka kini rakyat berpeluang untuk melihat kerajaan baru pimpinan Pas dalam mencipta dasar dan membangunkan negeri ini," kata Pengarah Pusat Penyelidikan NCER, Prof. Madya Dr. Zulkhairi Dahalin.

Sedikit sebanyak keputusan pilihan raya ini memberi isyarat seolah-olah rakyat tidak menerima sepenuh hati program pembangunan ekonomi wilayah utara kerana hanya Perlis sahaja mengekalkan pemerintahan, berbanding Pulau Pinang, Kedah dan Perak.

Menurut Pensyarah Sains Politik UUM, Prof. Madya Dr. Mohd. Foad Sakdan, pengajaran yang boleh diambil daripada episod ini selain daripada memahami mengapa kaum Cina dan India tidak memberi sokongan kepada kerajaan, tetapi juga mencipta strategi baru untuk menawan hati kumpulan majoriti senyap.

"Ada elemen baru dalam perjalanan politik Malaysia dan Kedah akhir-akhir ini menyebabkan pengamal politik perlu memahami juga dengan cara yang baru, kerana sebelum ini tidak ada elemen luar biasa," katanya yang kini sedang mengumpul maklumat terperinci mengenai fenomena baru dalam politik Malaysia.

Dalam keadaan BN menjadi pem-

bangkang di Kedah, bagaimana mereka seharusnya bertindak?

Menurut Prof. Madya Dr. Mansor Mohd. Nor, Pensyarah UUM, keputusan politik yang menentukan undi orang ramai turut bergantung kepada cara pemimpin mengurus persepsi dengan halus dan bijak.

Jika tidak ada kemahiran di kalangan ahli politik, kerajaan boleh mengenal pasti dan memilih mereka yang handal dalam mengurus persepsi rakyat dan bagaimana mengatasi perang saraf golongan lawan.

"Hentikan salah-menyalah dan cuba sedaya mungkin memahami suara hati rakyat secara keseluruhan kerana mereka yakin dengan kemampuan dan kebijaksanaan BN. Persepsi atau realiti pemimpin UMNO sombong ini perlu diurus dengan sebaik mungkin.

"Jika katakan, dalam analisis sebab itu mendapati faktor personaliti memainkan peranan utama, maka seharusnya pemimpin tertinggi negara cuba mengatasinya kerana ini merupakan persepsi yang tidak terurus dengan sempurna," katanya.

Dalam seminggu dua ini, permainan salah-menyalah akan terus berleluasa dan ini juga tentunya perlu diurus dengan bijaksana oleh pemimpin tertinggi parti.

□ PENULIS ialah pelajar Sarjana Sains Politik di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa UUM.